

16 AUG 1997

MAHATHIR LAWAT HUTAN SIMPANAN DERAMAKOT

SANDAKAN, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan selama dua jam melawat Hutan Simpanan Deramakot, 200km dari sini.

Beliau yang tiba di situ dengan helikopter Nuri disambut oleh Ketua Pegawai Jabatan Perhutanan bagi wilayah Sandakan, Sam Mannan yang kemudiannya memberi taklimat tertutup kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir diiringi oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi pusat Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan hampir semua anggota kabinet negeri.

Selepas taklimat itu, Perdana Menteri yang sedang dalam lawatan dua hari ke negeri Sabah, dibawa menyaksikan pengendalian "skyline yarding system", iaitu sistem menggunakan kabel untuk mengangkat balak dari bumi untuk mengurangkan kerosakan kepada tanah dan tumbuh-tumbuhan.

Beliau juga menyaksikan Reduced Impact Logging (RIL) di situ yang menggunakan traktor dan jentolak jenis merangkak untuk menarik batang balak yang telah ditebang dari jauh dalam hutan yang terbukti kurang menyebabkan hakisan tanah dan kerosakan pada pokok-pokok yang lain.

Di situ Perdana Menteri turut diberi taklimat oleh pegawai-pegawai perhutanan dan seorang pakar Jerman yang membantu melaksanakan sistem itu di Sabah.

Dr Mahathir juga menanam sephohon pokok sebagai menandakan lawatan beliau ke situ sebelum pulang ke sini untuk menghadiri satu jamuan makan malam yang diberikan oleh Barisan Nasional. -- BERNAMA

KG WAT